



ANALISIS TANDA-TANDA PENYAKIT KANSER MENURUT PERSPEKTIF HADIS

(Analysis of the Symptoms of Cancer Disease According to the Hadith Perspective)

Wan Nur Fasiah binti Wan Noh¹, Norzulaili Mohd Ghazali², Nurulwahidah binti Fauzi³, Muhammad Fawwaz bin Muhammad Yusoff⁴, Robiatul Adawiyah Mohd @Amat⁵

^{1,2,3,4,5}Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Abstract

Cancer is a type of disease that exists as a result of a cell imbalance or caused by a negative cell reaction in the body. Normally, body cells will go through the cell replacement process according to its rules to improve, restore and replace new cells if there is an injury or wound. This cancer disease has rarely occurred in the community since 4500 BC, therefore this study will increase knowledge and input about the signs of cancer and general ideas related to treatment methods and prevention of cancer infection. There are 100 types of cancer that have been stated by earlier Islamic scientists in the books of Tibb and also in the hadith by using various words that indicate 'cancer' such as tumor, boil and so on. Although there are many past studies that debate about cancer in various aspects, this study analyzes cancer from the point of view of the hadith recommended by the Prophet SAW. By applying the method of content analysis contained inductively and deductively that focusing on the book of hadith al-Sahihain which is the book of Sahih al-Bukhari and the book of Sahih Muslim and theirs syarah, then this study has achieved three main objectives namely; i) identify the names and records of cancer recorded in the hadith, ii) study the signs of cancer as recorded in the text of the hadith, iii) analyze the treatment methods recommended by the Prophet SAW. The results of this study will be more suggestive to the current community that started to practice and take the treatment recommended by the Prophet SAW to cure a disease especially cancer.

Kata Kunci: *Analysis, Symptoms, Treatment Methods, Cancer Disease and Hadith*

Article Progress

Received: 29 August 2023
Revised: 4 September 2023
Accepted: 10 October 2023

*Corresponding Author:
Wan Nur Fasiah binti Wan Noh.
⁴Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.
Email:
wannurfasihah11@gmail.com

PENDAHULUAN

Seorang ahli perubatan terkenal pada tahun 370-460 SM yang dikenali sebagai Hippocrates telah memperkenalkan perkataan kanser ini berasal dari bahasa Greek iaitu carcinos dan carcinoma yang mana perkataan bagi carcinos ini merujuk kepada tidak mempunyai pertumbuhan ulser, manakala bagi perkataan carcinoma pula merujuk kepada pertumbuhan ulser apabila terdapatnya kanser mahupun tumor. Pada awal kemunculan kanser, Hippocrates menganggap bahawa ulser adalah salah satu tanda atau ciri bagi penyakit kanser (Hasnan Jaafar, 2015). Beliau juga memperkenalkan penyakit kanser ini dengan melakukan penyelidikan terhadap mayat seorang wanita, yang mana mayat wanita tersebut meninggal dunia akibat daripada kanser payudara. Apabila beliau menyelidik dan menyiasat dengan lebih mendalam, beliau mendapati bahawa terdapat saluran darah vena yang panjang dan membengkak serta menjalar keluar seperti kaki ketam, disebabkan oleh itu Hippocrates menamakan perkataan kanser 'crab'. Selain itu, terdapat juga seorang ahli perubatan Rumawi iaitu Celsus pada tahun 280-500 SM telah menterjemahkan perkataan kanser iaitu 'crab' dalam bahasa Greek kepada bahasa Latin yang bermaksud ketam (Hasnan Jaafar, 2015). Di samping itu, Galen (130-210M) pula memperkenalkan gejala-gejala atau tanda-tanda bagi penyakit kanser seperti pengurangan berat badan, timbul ulser atau kudis, benjolan dan juga bengkak yang merah (Hasnan Jaafar, 2015).

Manakala melalui perspektif global pula berkaitan dengan penyakit kanser ini, menurut laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO, 2022) menyatakan bahawa kanser ini bukan sahaja

menyebabkan penderitaan, akan tetapi ianya juga menjadi punca kematian yang tertinggi di seluruh dunia dalam rekod tahunan 2021, yang mana jumlah kematian bagi lelaki dan wanita lebih enam juta bagi setiap tahun di seluruh dunia bermula pada tahun 2010 lagi (Rushdan Noor, 2018). Tambahan pula, kajian Dr Bruce Miller (2019) menjelaskan bahawa masyarakat haruslah melakukan pemeriksaan berkala sebelum dijangkiti penyakit kanser. Hal ini kerana apabila masyarakat itu dijangkiti kanser akan memakan belanja yang agak besar untuk rawatan. Masyarakat haruslah peka dengan tanda-tanda atau gejala kanser pada diri sendiri seperti kudis lama yang tidak sembuh, pendarahan atau lelehan yang luar biasa, mempunyai perubahan yang nyata pada ketuat atau kutil, perubahan dalam tabiat membuang air besar dan air kecil, batuk atau keparauan yang berterusan, pengentalan atau benjol pada buah dada atau di bahagian-bahagian lain dan ketidakhadaman yang berterusan atau susah untuk menelan makanan (Bruce Miller, 2019).

Di Malaysia pula, berdasarkan laporan Pendaftaran Kanser Kebangsaan 2020, sebanyak 21,464 kes kanser yang baru telah dilaporkan di Semenanjung Malaysia. Daripada keseluruhan jumlah tersebut, penyakit kanser yang paling tertinggi pada masa kini adalah kanser payudara iaitu sebanyak 3 738 kes, kanser paru-paru sebanyak 1,758 kes dan kanser serviks sebanyak 1,557 kes. Menurut Pengarah Kesihatan Malaysia, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah (2020), penyakit kanser ini semakin berleluasa dek kerana kehidupan sekarang meniti arus kemodenan yang mana masyarakat kurang menitik berat akan kesihatan. Pesanan daripada beliau jikalau seseorang itu mempunyai tanda-tanda atau gejala seperti ketulan pada bahagian buah dada atau di bawah ketiak (kanser payudara), batuk yang teruk, sakit dada atau kesukaran bernafas, perubahan pada tabiat membuang air besar dan air kecil, pendarahan secara tiba-tiba, ketuat atau kutil, penurunan berat badan secara drastik, sukar menelan makanan, bengkak seperti bisul, perlulah melakukan pemeriksaan dengan kadar segera di klinik atau hospital berdekatan.

Melalui perbincangan dan perbahasan di atas, menjadi persoalan adakah penyakit kanser juga turut berlaku pada zaman Nabi Muhammad SAW. Oleh itu, kajian ini menganalisis dan meneliti akan tanda-tanda penyakit kanser berdasarkan dari sudut pandang hadis yang mana menjelaskan dan mengenal pasti akan sejarah kemunculan penyakit kanser pada zaman Rasulullah SAW serta sahabat-sahabatnya.

SKOP DAN METODOLOGI

Perbincangan dalam kajian ini akan memberi fokus utama terhadap sebutan, tanda-tanda dan juga metode pengubatan bagi penyakit kanser melalui huraian dan perbincangan dalam perbahasan dari Rasulullah SAW dan para sarjana Islam dalam teks hadis dan juga syarah-syarah kitab *al-Sahihain*.

Perbincangan dan perbahasan tentang penyakit kanser dalam teks hadis adalah merujuk kepada naskhah kitab *al-Sahihain* iaitu kitab sahih al-Bukhari dan kitab Sahih Muslim dengan memfokus kepada perbincangan yang menyebutkan tentang tumor, ketumbuhan, bisul, kebengkakan yang menandai gejala-gejala penyakit tersebut yang menyerupai sifat yang dihadapi oleh penyakit kanser. Analisis dijalankan melalui metode analisis kandungan berasaskan induktif dan deduktif serta perbincangan dan pemahaman dalam teks hadis *al-Sahihain* terhadap penyakit kanser dengan lebih terperinci lagi. Analisis ini lebih tertumpu kepada perbincangan dari aspek sebutan, gejala yang dihadapi dan kaedah rawatan yang digunakan bagi merawat penyakit kanser yang disebut dalam hadis dan syarah yang diaplikasikan oleh umat terdahulu. Hal ini boleh diandaikan kemungkinan penulis syarah hadis mempunyai pengetahuan ilmu berkaitan dengan penyakit kanser serta digabungkan dengan pengalaman sedia ada yang dimiliki oleh turun temurun dan nenek moyang mereka serta dengan apa yang difahami daripada pandangan para pengamal pengubatan Islam. Kajian ini secara tuntasnya berusaha untuk menilai aspek pemahaman terhadap falsafah perubatan, kaedah penyediaan ubatan, dan kaedah rawatan di dalam merawat penyakit kanser serta seumpamanya dari perspektif amalan umat terdahulu, melalui sampel kajian terhadap hadis dan syarahnya yang telah disenaraikan.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Melalui perbincangan dan hasil kajian ini, penulis akan membahaskan dan menyoroti hadis yang berkaitan dengan penyakit kanser dengan memfokuskan kepada perkataan *al-birsam* (البرسام) yang bermaksud tumor atau kanser di kepala dan dada serta pembengkakan. Berdasarkan kepada perkataan dan lafaz tersebut, hadis ini akan menghuraikan tiga aspek yang menjadikan elemen yang utama dalam makalah ini. Oleh itu, hadis ini yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik RA, dia berkata:

أَتَى رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَقْرٌ مِنْ عُرَيْنَةَ فَأَسْلَمُوا وَبَايَعُوهُ وَقَدَّ وَقَعَ بِالْمَدِينَةِ الْمُؤْمُ - وَهُوَ الْبِرْسَامُ - ثُمَّ ذَكَرَ نَحْوَ حَدِيثِهِمْ وَزَادَ وَعِنْدَهُ شَبَابٌ مِنَ الْأَنْصَارِ قَرِيبٌ مِنْ عِشْرِينَ فَأَرْسَلَهُمْ إِلَيْهِمْ وَبَعَثَ مَعَهُمْ قَائِمًا يَفْتَصُّ أَثَرَهُمْ. (رواه مسلم/1671).

Maksudnya: Beberapa orang daripada kabilah 'Urainah datang menghadap Rasulullah SAW, mereka memeluk Islam dan berbai'ah kepada Baginda. Pada ketika itu, Madinah dilanda penyakit *al-birsam* (tumor/kanser di kepala dan dada/ bengkak-bengkak). Kemudian perawi meriwayatkan sebagaimana hadis mereka di atas. Terdapat tambahan 'pada ketika itu di samping Rasulullah ﷺ terdapat beberapa pemuda Ansar yang berusia sekitar dua puluh tahun, kemudian Baginda menyuruh mereka untuk mengejanya dengan disertai seorang ahli jejak untuk mengetahui keberadaannya" (Sahih Muslim: 1671).

Berdasarkan kepada hadis di atas, penulis akan membahaskan perbincangan mengenai penyakit kanser dengan merujuk kepada perbincangan dari perkataan *al-birsam* yang diistilahkan kepada penyakit kanser atau tumor, oleh itu penulis akan menerangkan seperti berikut;

Perbincangan Mengenai Sebutan dan Catatan Penyakit Kanser Yang Tercatat dalam Teks Hadis

Melalui hadis yang dikhabarkan oleh Anas bin Malik RA boleh didiskusikan mengenai sebutan dan catatan penyakit kanser yang mana telah diperbincangkan oleh Abu al-Ashbal Hassan al-Zuhairi dalam kitabnya Syarh Sahih Muslim. Berdasarkan kitab ini, penulis menyatakan bahawa hadis daripada Anas RA, "Datang kepada Rasulullah ﷺ beberapa orang dari golongan 'Urainah. Lalu mereka itu memeluk Islam dan berbai'ah kepadanya dan pada masa yang sama, mereka itu telah berada di Madinah yang dikenali sebagai *al-Mom* iaitu terdapatnya *al-birsam* (Sahih Bukhari, 256H) yakni telah merebak penyakit radang selaput dada atau terdapat penyakit yang berkaitan dengan kanser atau tumor di dada."

Selain daripada makna perkataan *al-birsam* iaitu radang selaput dada, terdapat juga istilah lain yang mendefinisikan perkataan tersebut iaitu yang pertama nama orang Arab Parsi, kedua ialah sejenis gangguan mental dan yang ketiga ialah ketumbuhan di kepala dan tumor di bahagian dada yang mana ianya menyerupai kanser di bahagian kepala dan dada atau sesuatu seakan dengan itu (al-Zuhairi, 1423 H).

Di samping itu, terdapat juga perbincangan mengenai *al-birsam* di dalam kitab Syarh Sahih Muslim: Ikmalu al- Mu'lim Bifawaid Muslim ditulis oleh al-Imam Abu al-Fadhlu, terdapat beberapa pakar perubatan Islam terdahulu menyatakan bahawa perkataan *al-birsam* ini berasal dari bahasa Yunani. Semasa perbualan pakar perubatan Islam menggunakan perkataan *al-waram* الورم iaitu tumor, manakala perkataan *al-birsam* ini digunakan secara formal atau rasmi. Sebagaimana yang telah tercatat dalam Syarh Sahih Muslim ini, pakar perubatan Islam terdahulu menjelaskan *al-birsam* ini adalah kata sendi yang mana perkataan ini sebenarnya berasal dari gabungan dari dua isim pada kebiasaannya menghasilkan maksud yang baru (*idhofah*) iaitu perkataan pertama yang mana bertentangan dengan pemahaman dan penulisan bahasa Arab, sepatutnya didahului dengan (*mudhofu ilaih*) iaitu perkataan kedua. Sebagai contoh, Zaid pakaian (Zaid itu *idhofah*) manakala (pakaian itu *mudhofu ilaih*), maksud yang sebenarnya adalah pakaian Zaid. Susunan perkataan dan bahasa haruslah diatur dan diterima pakai dalam memahami teks hadis dan juga syarah-syarahnya (Ahmad Izzuddin, 2022). Seperti mana para pakar perubatan Islam terdahulu ingin maksudkan dengan perkataan yang mereka gunakan apabila

tumor atau kanser di kepala iaitu dipanggil tumor kepala ورم الرأس dan apabila tumor di bahagian dada pula ورم الصدر. Manakala perkataan *al-birsam* pula, tumor atau kanser di bahagian kepala dikenali sebagai البرسام الرأس dan di bahagian dada pula البرسام الصدر. Namun yang demikian, al-Imam Abu al-Fadhlu menjelaskan lagi perbincangan tersebut dengan menyatakan bahawa pakar-pakar perubatan Islam ini tidak membeza-bezakan di antara perkataan *al-birsam* dengan perkataan *al-waram*, kerana istilah dan maksud adalah sama, hanya lafaz sahaja yang berbeza.

Perbincangan Tentang Tanda-Tanda Penyakit Kanser yang Termaktub dalam Hadis

Bagi perbincangan mengenai tanda-tanda atau gejala penyakit kanser yang dihidapi oleh pesakit yang telah dinyatakan dalam hadis. Berdasarkan hadis di atas, kajian ini mendapati terdapat perbincangan dari salah seorang ulama masyhur yang menjelaskan tanda-tanda penyakit kanser dalam kitabnya Syarh Sahih Muslim dari Abu al-Ashbal Hasan al-Zuhairi menjelaskan bahawa terdapat seorang pemuda dari golongan al-'Urainah yang datang menemui Rasulullah SAW mengadu akan kesakitan pada dada yang mana mempunyai pembengkakan yang sudah merah dan di atasnya seperti mempunyai keputihan (nanah) atau seperti bisul yang sedang membesar. Lalu Rasulullah SAW mengatakan kepada pemuda al-'Urainah tersebut, ini seakan penyakit radang selaput dada yang mengganas. Di dalam kitab syarah ini menegaskan bahawa penyakit radang selaput dada ini adalah salah satu penyakit kanser atau tumor. Hal ini kerana ciri-ciri radang selaput dada itu adalah salah satu gejala kanser (Abu al-Zuhairi, 1423 H).

Selain itu, terdapat juga perbincangan mengenai gejala penyakit kanser ini di dalam kitab Syarh al-Mu'lim bi fawaid Muslim yang ditulis oleh Abu Abdullah Muhammad bin Ali al-Mazri, penulis mengatakan bahawa ciri-ciri awal bagi pesakit kanser ialah mengalami demam, yang mana dalam syarah ini menjelas perkataan *al-birsam* ini bermaksud demam yang memanaskan badan seperti sifat kanser itu sendiri adalah panas. Selain itu, al-Mazri mengatakan apabila seseorang itu menghadapi penyakit kanser, ianya akan mengalami kepanasan yang amat terutamanya pada bahagian yang terdapatnya kanser tersebut, yang mana bahagian tersebut akan timbulnya kemerahan atau pembengkakan yang sangat pedih dan sakit (Abu al-Mizari, 536H).

Menurut pandangan Ibnu Qayyim al-Jauziyyah pula di dalam kitab al-Tibb al-Nabawi mengenai tanda-tanda penyakit kanser berpunca daripada sel-sel yang rosak dan terkumpul menjadi kanser yang tidak semula jadi yang mana ianya akan membentuk empat keadaan iaitu kepanasan, kekeringan, kelembapan dan kebasahan. Apabila tumor atau kanser itu membengkak, maka kulit akan menjadi mereput, menanah dan mengeras. Namun pesakit kanser ini akan mengalami sakit yang lebih teruk lagi apabila tidak dijaga dan diawasi dengan betul, pesakit tersebut akan mengalami penurunan berat badan yang mendadak, kurus, sistem pencernaan menjadi lambat sehingga pesakit kurang membuang air besar dan air kecil dan mengalami pendarahan, ketulan, ketuat, pembengkakan akan menjadi lebih mengeras dan sakit serta selalu pengsan (Ibnu Qayyim, 1424H).

Perbincangan Mengenai Kaedah atau Metode Pengubatan bagi Penyakit Kanser dalam Teks Hadis dan Syarah-Syarahnya

Berdasarkan kepada hadis yang diriwayatkan daripada Anas bin Malik RA di atas, tidak dijelaskan tentang kaedah rawatan bagi penyakit kanser, akan tetapi terdapat syarah yang berkaitan dengan hadis tersebut menerangkan bahan rawatan yang digunakan bagi merawat penyakit kanser ini ialah air. Di dalam kitab Syarh al-Mu'lim bi fawaid Muslim oleh Abu Abdullah Muhammad bin Ali al-Mazri menyatakan bahawa merawat kanser yang panas itu dengan menggunakan air, kerana penyakit kanser yang dialami ini hanya pada peringkat awal dengan mengalami demam sahaja. Maka demam yang dialami itu haruslah diubati dengan air, sama ada melalui mandian, minuman atau rendaman. Bahagian yang sakit atau baru muncul untuk ketulan atau kemerahan akibat kanser akan berkurang jika mengamalkan kaedah rendaman air tersebut (al-Mazri, 536H).

Selain itu, terdapat juga pandangan oleh Ibnu Qayyim al-Jauziyyah dalam kitab *al-Tibb al-Nabawi* berkaitan dengan hadis di atas yang mana beliau menyatakan bahawa hadis dari Abu Hurairah RA juga membincangkan akan kaedah rawatan bagi penyakit kanser yang diriwayatkan bahawa Nabi Muhammad SAW memerintah kepada seorang doktor untuk menoreh ketumbuhan (tumor) pada bahagian perut seorang pemuda. Lalu dia bertanya kepada Rasulullah SAW, “Apakah ubat yang membantu merawat sakitku wahai Rasulullah SAW, lalu baginda berkata, “Tidaklah diturunkan penyakit, melainkan dia (Allah SWT) telah menurunkan apa saja yang dia kehendaki dari penawarnya.” (Sahih Bukhari, 3891).

Berdasarkan hadis di atas yang mengisahkan tentang pemuda yang dijangkiti kanser atau tumor di bahagian perut tersebut yang mengadu kepada Nabi ﷺ akan kesakitannya, lalu baginda memanggil dan meminta bantuan doktor untuk menorehkan hujung tumor pada perutnya untuk mengeluarkan bahan septik iaitu nanah yang telah dijangkiti kuman dan bakteria tersebut, kemudian keluar nanah yang busuk dan darah kotor. Berdasarkan kepada doktor yang merawat pemuda yang menghidapi tumor tersebut, beliau mengatakan bahawa menorehkan tumor mempunyai dua faedah iaitu dapat mengeluarkan bahan berbahaya dalam badan dan menghalang lebih banyak bahan berbahaya daripada terkumpul di sekeliling tumor menjadikannya lebih teruk.

Berdasarkan kepada keseluruhan makalah ini, kajian ini mendapati kaedah rawatan bagi penyakit kanser yang diaplikasikan dalam hadis yang disarankan oleh Rasulullah SAW hanya menggunakan kaedah rawatan tunggal yang mana hanya menggunakan bahan rawatan seperti air bagi merawat penyakit kanser pada peringkat awal. Pada peringkat awal, pesakit kanser ini akan mengalami demam, maka demam pada kebiasaannya dirawat menggunakan bahan penyejuk. Berdasarkan kepada hadis sahih al-Bukhari daripada Aisyah RA daripada Rasulullah SAW bersabda:

الْحُمَّى مِنْ فَيْحِ جَهَنَّمَ فَأَبْرَدُوهَا بِالْمَاءِ

Demam itu disebabkan oleh percikan api neraka jahanam, maka dinginkanlah dengan air. (Sahih al-Bukhari: 3261,3261,3263,3264)

Rasulullah SAW telah menjelaskan bahawa gejala bagi demam itu panas seperti percikan api neraka. Oleh itu, penggunaan air ini adalah salah satu medium di dalamnya menyejukkan badan dan meredakan kemerahan. Kaedah rawatan secara tunggal ini kebiasaannya dilakukan berulang kali jika penyakit tersebut masih ada pada badan. Proses itu dilakukan sehingga pesakit akan sembuh sepenuhnya. Dalam hadis tersebut juga Rasulullah SAW tidak menjelaskan mengenai bahan yang perlu untuk merawat penyakit kanser, hanya menjelaskan prinsip asas sahaja dengan menggunakan air. Berkemungkinan jenis air yang digunakan seperti air biasa, air sungai, air zamzam atau lain-lain bahan yang sejuk yang mana bersesuaian dengan apa yang disyarahkan di dalam kitab *al-Mu'lim bi fawid Muslim* oleh Abu Abdullah Muhammad bin Ali al-Mazri (536H).

KESIMPULAN

Perbincangan mengenai tanda-tanda penyakit kanser menurut perspektif hadis ini dapat dikupas melalui tiga aspek utama iaitu mengkaji sebutan dan catatan penyakit kanser yang tercatat di dalam teks hadis yang mana mendiskusikan bahawa perkataan atau lafaz *al-birsam* dan *al-waram* ini disepakati oleh para-para sarjana Islam dalam syarah-syarah Sahih Muslim mengenai perkataan dan lafaznya adalah berbeza, akan tetapi makna dan istilah adalah sama sahaja. Kedua, meneliti tanda-tanda penyakit kanser yang dialami oleh pesakit berdasarkan kepada teks hadis dapat disimpulkan bahawa gejala bagi penyakit kanser ini akan mengalami kebengkakan yang merah dan bisul yang sedang membesar, demam pada peringkat awal yang mana gejala ini telah dinyatakan di dalam syarah-syarah hadis Sahih Bukhari dan Sahih Muslim. Akhir sekali, ketiga, menganalisis kaedah rawatan yang digunakan bagi mengubati penyakit kanser yang disarankan oleh Rasulullah ﷺ dalam teks hadis dan para sarjana Islam di dalam kitab-kitab syarah yang mengaplikasikan metode pengubatan secara tunggal yang mana menggunakan bahan semula jadi seperti air sama ada secara mandian, minuman atau rendaman bagi mengubati penyakit kanser.

PENGHARGAAN

Kertas kerja ini mendapat sokongan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di bawah Skim Geran FRGS- FRGS/1/2020/SSI0/USIM/02/5.

RUJUKAN

Abu al-Ashbal Hasan al-Zuhairi. (1080H). Syarh Sahih Muslim. Rujuk Laman Sesawang Maktabah Syamilah [www. Islamweb.net](http://www.Islamweb.net).

Abu Abdullah Muhammad Ibn Ali Umar al-Tamimi al-Marozzi al-Maliki. (536H). Al-Mu'lim bi Fawaid Muslim. Dar al-Taunisiyah li al-Nasyar.

Abdul Ghani Hussain. MSS 2999 Kitab Tib Pandangan dan Tafsiran Perubatan Moden Terhadap Manuskrip Perubatan Melayu. Kuala Lumpur: FRIM.

Ahmad Farid. (2021). Tanda-Tanda yang Jarang Berlaku Terjadi kepada Pesakit Kanser. <https://Hellodoktor.Com/Kanser/Tanda-Tanda-Kanser/>. Akses pada: 10 Oktober 2022.

Ahmad Ibn Ali Ibnu Hajar Abu Al-Fadhlu al-Asqalani. (1379H). Fath al-Baari Syarh Sahih Bukhari. Beirut: Dar al-Muarifah.

Ahmad Izzuddin Abu Bakar. (2022). Peranan Kitab Syarah Terhadap Penterjemahan Hadis ke dalam Bahasa Melayu. *Jurnal of Contemporary Islamic Studies*. 8(2).

Bruce Miller. (2019). Kanser: Perangi Dan Menentang Kanser dengan Mengejar Pencegahan Secara Agresif. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

Hasnan Jaafar. (2015). Memahami Penyakit Kanser dan Usaha Mengatasinya: Peranan Kita Semua. Penang: Penerbitan Universiti Sains Malaysia.

Hishamshah Bin Mohd Ibrahim. (2020). Penyakit Kanser Dirawat Dengan Kemoterapi, Radiasi Dan Pembedahan. Putrajaya: Penerbitan Laporan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Ibnu Qayyim Al-Jauziyyah. (1424 H). Kitab al-Tib al-Nabawi. Mesir: Dar Al-Ghadd Al-Gadeed.

Mohd Rushdan Md Noor (2018). Kanser Wanita Pencegahan Dan Rawatan. Putrajaya: Perpustakaan Negara Malaysia.